Surat Terbuka kepada Datuk Senu Abdul Rahman

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Keutuhan Umno wajib dijaga

● HAJI SHUAIB LAZIM

SURAT terbuka Datuk kepada YAB Perdana Menteri mengenai keputusan Parlimen meminda Perlembagaan telah tersebar. Saya sendiri telah menerima satu salinan.

Sebagai seorang Melayu yang telah, dan akan terus, berjuang dalam parti kita Umno, saya rasa perlu menjawabnya. Surat Datuk itu boleh menimbulkan salah faham, merosakkan perpaduan Melayu dan Umno, dan membuka kesempatan kepada musuh-musuh politik kita — termasuk komunis dan DAP — untuk menangguk di air keruh.

Ada empat persoalan yang timbul dari surat Datuk itu:

● Betulkah pindaan Perkara 66 itu bertentangan dengan semangat dan tujuan Perlembagaan?

● Betulkah pindaan ini telah menyentuh kedudukan raja-raja?

Termaktub

● Benarkah pindaan itu tidak dibuat dengan berhati-hati dan tidak melalui cara dan saluran yang sewajarnya?

● Benarkah dengan pindaan itu kedudukan bangsa Melayu akan tergugat dan masa depannya tidak lagi terjamin?

Semangat dan asas Perlembagaan kita ialah kedaulatan bangsa Melayu melalui sistem raja berperlembagaan, keistimewaan raja-raja, hak istimewa Bumiputera, agama Islam sebagai agama rasmi dan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Ini semua tidak tersentuh, apa lagi tergugat, oleh pindaan itu.

Perkara 38, 40, 71(1), 152 dan 153 tidak dipinda. Dalam perkara-perkara inilah termaktub jaminan wujudnya tonggak-tonggak keMelayuan di atas. Bukan dalam Perkara 66 dan 150 yang dipinda itu.

Begitu juga asas-asas yang Datuk sebutkan untuk mengekalkan identiti keMelayuan, menegakkan keadilan dalam masyarakat berbilang kaum dan menegakkan pemerintahan demokrasi tetap terjamin dalam Perlembagaan dan sedikit pun tidak tersentuh oleh pindaan yang tidak Datuk persetujui itu.

Akan tetapi dasar yang Datuk katakan untuk "menjadikan negeri ini sebuah negeri berbilang kaum dan berbagai kebudayaan" (surat Datuk hal.3) itu **adalah salah sama sekali.** Tujuan Perlembagaan kita ialah membina satu bangsa Malaysia yang bersatu padu-daripada rakyatnya yang berbilang kaum, berbagai agama, bahasa dan kebudayaan.

Datuk bimbang pindaan ini akan menghancurkan asas pemerintahan demokrasi. Datuk salah. Sebenarnya pindaan Perkara 66 itu adalah untuk menjamin supaya sistem demokrasi dan raja berperlembagaan akan kekal. Saya katakan demikian kerana peristiwa-peristiwa **politik istana** yang terjadi dalam masa 4-5 tahun terakhir ini semakin menimbulkan rasa marah dan gelisah di kalangan rakyat.

Malah sudah ada golongan yang hendak menegakkan sebuah negara republik.

Jika sistem raja berperlembagaan yang menjadi inti Perlembagaan kita itu tidak diamalkan dengan betul, saya bimbang kekacauan dan konfrontasi terbuka akan timbul tidak lama lagi.

Pindaan ini tidak sedikit pun menyentuh kedudukan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja. Yang dipinda ialah proses pengesahan undang-undang yang perlu diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong setelah diputuskan oleh Parlimen.

"Perkenan diraja" atau "royal assent" ini **bukanlah satu kuasa** tetapi hanyalah satu proses dan cara dalam sistem raja berperlembagaan. Dan perkenan diraja ini mesti diberi kerana dalam Perkara 40 (1) telah dinyatakan dengan tegas bahawa "Yang di-Pertuan Agong ialah seorang raja berperlembagaan dan dalam menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan Malaysia, atau Undang-Undang Persekutuan ia mestilah bertindak mengikut nasihat Kabinet, atau nasihat seorang menteri yang bertindak di bawah kuasa Kabinet."

Jadi, apabila Perdana Menteri, atau Kabinet, menasihati Yang di-Pertuan Agong supaya memberikan perkenan (assent) kepada keputusan Parlimen baginda kenalah bersetuju. Jika tidak bermaknalah baginda bukan lagi raja berperlembagaan, tetapi raja mutlak.

Jika baginda boleh menolak untuk memberikan perkenan (assent) bermaknalah sistem demokrasi berparlimen tidak berjalan kerana keputusan Parlimen boleh ditolak oleh Yang di-Pertuan Agong.

Keputusan

Perkenan diraja ini adalah satu daripada kewajipan yang telah dikenakan oleh Perlembagaan ke atas Yang di-Pertuan Agong. Jadi dengan pindaan itu hilanglah kesamaran dan pertentangan yang seolah-olah wujud antara Perkara 66 dengan Perkara 40 (1). Maka kekallah kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai "simbol yang tidak boleh dipersoalkan" seperti yang Datuk tegaskan dalam surat Datuk itu.

Pindaan Perkara 66 itu juga tidak menyentuh perundangan mengenai perkara-perkara di mana Yang di-Pertuan Agong adalah diberikan kuasa menggunakan "budi bicara" (discretion). Hal ini termaktub dalam Perkara 40 (2). Dan perkenan diraja kepada sesuatu rang undang-undang (Perkara 66) tidak termasuk dalam perkara yang baginda mempunyai budi bicara atau discretion.

Mengenai kedudukan raja-raja pula, Perkara 71 (1), Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

"Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesuatu Negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak Perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan Raja Negeri itu mengikut Perlembagaan Negeri itu; akan tetapi apa-apa petikaian tentang hak untuk mewarisi sebagai raja mana-mana Negeri hendaklah diputuskan hanya oleh mana-mana pihak berkuasa dan hanya mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negeri itu."

Begitu pulalah mengenai Perkara 159 (5) yang diperturunkan dalam surat Datuk itu sama sekali tidak tersentuh. Perkara-perkara 38, 63 (4), 70, 71 (1), 72 (4), 152 dan 153 yang pindaannya "tidak boleh diluluskan dengan tiada persetujuan Majlis Raja-Raja" tidak terbabit dalam pindaan yang dipersoalkan sekarang.

Dan pindaan mengenai Perkara 66 dan juga perkara 150 tidak termasuk dalam perkara-perkara yang perlu dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja. Sebab itu juga, saya rasa, pindaan itu tidak perlu lebih dahulu dibawa ke dalam Majlis Raja-Raja.

Begitu jugalah kuasa dan tugas Majlis Raja-Raja seperti yang termaktub dalam Perkara 38 tidak terbabit dengan pindaan ini. Jadi, hak dan kedudukan Majlis Raja-Raja tetap seperti sekarang juga. Pindaan kepada Perkara 66 yang Datuk risaukan itu hanyalah bersangkut dengan perkenan (assent) Yang di-Pertuan Agong saja dan tidak ada kenamengena dengan hak, kedudukan dan keistimewaan raja-raja.

Pemikiran

Maka dengan itu kedaulatan institusi raja dan pemerintahan raja berperlembagaan tetap kekal. Surat Datuk, saya rasa, sengaja hendak menimbulkan kekeliruan dan kekacauan pada pemikiran orang Melayu saja. Sebab itulah Datuk tidak petrunkan Perkara 38 dan 71 (1). Saya menyokong kuat pendapat Datuk bahawa "Raja-Raja tidak terlibat dan tidak harus melibatkan diri dalam soal-soal politik, tetapi bertindak sebagai **penaung kepada rakyat** keseluruhannya".

Jika ini tidak dipatuhi, saya bimbang institusi raja yang telah kita tegakkan tidak akan kekal. Saya tidak ingin hal ini berlaku. Ini bukan perjuangan Umno.

Setakat yang saya tahu, pindaan ini telah dibuat menurut proses dan cara yang sewajarnya. Pertama, ia telah dibawa ke dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno. Kedua, ia juga sudah dibawa ke dalam satu perbincangan pra-Majlis Mesyuarat Mufot Negeri mana semua wakil rakyat — ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan-Dewan Undangan Negeri — hadir dan diberi kesempatan untuk mengemukakan pendapat.

Saya mendapat tahu hanya seorang saja, iaitu Senator dari Perak yang mengemukakan pendapatnya dalam pertemuan itu.

Keliga, menurut amalannya, saya percaya Perdana Menteri juga telah mempersembahkan perkara ini untuk makluman dan persetujuan Yang di-Pertuan Agong dan kemudiannya baharulah dibentangkan untuk perbincangan dan persetujuan Kabinet. Lepas itu barulah ia dibawa ke Parlimen. Jadi, proses yang wajar sudah berlaku.

Datuk sendiri telah menyebut dalam surat itu bahawa "Sistem pemerintahan di Malaysia berdasarkan demokrasi iaitu kedaulatan rakyat."

YTM Tunku Abdul Rahman, semasa mengemukakan Rang Perlembagaan di Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan pada 15 Ogos, 1957 menyatakan:

"It must be remembered that the freedom to which we aspire is the freedom to govern ourselves under a system in which parliamentary institutions shall be exclusively representative of the people's will."

Oleh itu keputusan Parlimen adalah sah. Parlimen mewakili kedulatan rakyat. Maka suara Parlimen adalah suara pemutus yang sah, kecuali jika kita tidak mengiktiraf lagi sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan sekarang.

Pindaan ini sedikit pun tidak akan menggugat kedudukan dan masa depan bangsa Melayu. Jika kita semua jujur kepada diri kita, dan kepada perjuangan kita, tentulah Datuk pun sedia maklum bahawa nasib bangsa kita adalah di tangan kita sendiri: Bangsa Melayu dan Umno.

Sejarah telah menjadi bukti nyata. Dalam perjuangan mendapatkan kuasa politik, kedaulatan raja, bahasa, ekonomi orang Melayu, maupun agama Islam yang menegakkan dan mendaulatkannya adalah kita: Umno dan orang-orang Melayu.

InsyaAllah, selagi Umno ada, Melayu Tak akan Hilang Di Dunia. Maka kerana itulah maruah dan keutuhan Umno dan orang Melayu wajib dijaga.

HAJI SHUAIB LAZIM,
Sungai Petani, Kedah.

KAMI menyediakan ruangan HARIAN PEMBACA empat hari seminggu — kecuali hari Khamis dan Sabtu.

Ruangan ini kami buka kepada sebarang sungutan, kecaman dan pandangan untuk kebaikan umum.

Kami akan hanya melayan surat-surat yang disertakan nama dan alamat penuh, termasuk nombor kad pengenalan pengirim. Bagaimanapun, untuk tujuan siaran, nama samaran bolehlah digunakan.

Alamatkan semua surat anda kepada:

HARIAN PEMBACA,
Pengarang Berita Harian,
Balai Berita, 31, Jalan Riong,
Kuala Lumpur 22-03.